Journal of Islamic Philanthropy & Social Finance (JIPSF)
Vol 7(1), 2025
eISSN: 2590-3942
Published by UiTM Press
Managed by Center for Islamic Philanthropy & Social Finance
Journal homepage: https://journal.uitm.edu.my/ojs/index.php/JIPSF

GHARAR DALAM TRANSAKSI E-DAGANG: IMPLIKASI TERHADAP PENGGUNA DAN PENIAGA MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

(GHARAR IN E-COMMERCE TRANSACTIONS: IMPLICATIONS FOR CONSUMERS AND MERCHANTS FROM AN ISLAMIC PERSPECTIVE)

Nadiah Nasuha Musa[a], Adzrin Sameera Hafidz[b], Mimi Syaqila Noraini[c], Nur Aliya Natasha Misdi[d], Norizah Mohamed @ Haji Daud[e*]

[a]Faculty of Business and Management, UiTM Melaka, 2022608052@student.uitm.edu.my
[b]Faculty of Business and Management, UiTM Melaka, 2022862616@student.uitm.edu.my
[c]Faculty of Business and Management, UiTM Melaka, 2022887878@student.uitm.edu.my
[d]Faculty of Business and Management, UiTM Melaka, 2022461482@student.uitm.edu.my
[e]ACIS, UiTM Melaka, norizahdaud@uitm.edu.my
[*]Corresponding Author

ARTICLE INFO

Received:
24/02/2025
Received In Revised Form:
15/03/2025
Accepted:
17/03/2025
Published:
20/03/2025

Keywords:
Gharar;
E-Dagang;
Prinsip Syariah;
Ketelusan

DOI:
10.24191/JIPSF/v7n12025_125-134

Abstrak

Kajian ini membincangkan konsep gharar dalam transaksi e-dagang serta implikasinya terhadap pengguna dan peniaga menurut perspektif Islam. Gharar merujuk kepada ketidakpastian dalam kontrak yang boleh membawa kepada ketidakadilan dan eksploitasi. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kajian kepustakaan dan analisis dokumen bagi meneliti bentuk gharar dalam transaksi digital serta kesannya terhadap pengguna dan para peniaga. Kajian ini mendapati bahawa transaksi e-dagang sering dikaitkan dengan unsur gharar yang menimbulkan ketidakpastian dan ketidakadilan. Bentuk gharar yang dikenal pasti termasuk ketidaktelusan maklumat produk, ketidakpastian penghantaran, polisi pemulangan yang tidak jelas, dan ketidakseimbangan maklumat antara peniaga dan pengguna. Unsur ini boleh menyebabkan risiko penipuan, kehilangan kepercayaan pengguna, serta menjejaskan reputasi peniaga. Oleh itu, pematuhan kepada prinsip ketelusan dan keadilan adalah penting bagi memastikan ekosistem e-dagang yang lebih beretika dan patuh Syariah dengan pelaksanaan peraturan yang lebih ketat, peningkatan kesedaran pengguna, serta pemantauan oleh pihak berkuasa. Ini penting bagi memastikan ekosistem e-dagang yang lebih beretika, selamat, dan patuh Syariah.

Abstract

This study examines the concept of gharar in e-commerce transactions and its implications for consumers and merchants from an Islamic perspective. Gharar refers to contractual uncertainty that can lead to injustice and exploitation. Using a qualitative approach through literature review and document analysis, this study explores the forms of gharar in digital transactions and their impact on stakeholders. The findings reveal that e-commerce transactions are often associated with gharar, manifesting in product information opacity, delivery uncertainty,

unclear return policies, and information imbalance between merchants and consumers. These elements contribute to fraud risks, loss of consumer trust, and reputational damage to merchants. Therefore, ensuring transparency and fairness is crucial for a more ethical and Shariah-compliant e-commerce ecosystem. This requires stricter regulations, increased consumer awareness, and enhanced regulatory oversight to establish a safer and more ethical digital marketplace.

***Keywords**: Gharar, E-Commerce, Shariah Principles, Transparency*

PENGENALAN

E-dagang merujuk kepada sebarang bentuk perniagaan atau transaksi komersial yang melibatkan pemindahan maklumat melalui internet. Perkembangan teknologi digital membolehkan pengguna menjalankan perniagaan secara elektronik serta mendagangkan barangan dan perkhidmatan tanpa batasan masa atau lokasi. Aktiviti e-dagang yang paling dominan ialah pembelian dan penjualan barangan secara dalam talian yang menawarkan kemudahan serta menjimatkan masa kepada pengguna dan peniaga. Model perniagaan dalam talian ini membolehkan interaksi antara pembeli dan penjual berlangsung tanpa kekangan geografi atau waktu menjadikannya satu platform yang semakin berkembang dalam ekosistem perdagangan global (Rositah Kambol, 2018).

Dalam perspektif ekonomi Islam, prinsip keadilan (*'adl*) dan kejelasan (*bayan*) merupakan elemen asas dalam memastikan kesahihan suatu transaksi. Salah satu isu utama dalam e-dagang ialah kewujudan unsur *gharar*, yang merujuk kepada ketidakpastian atau kesamaran dalam kontrak yang boleh membawa kepada ketidakadilan bagi mana-mana pihak yang terlibat. *Gharar* lazimnya dikaitkan dengan kekurangan maklumat yang mencukupi, kekaburan dalam terma dan syarat perjanjian, atau ketidaktentuan mengenai produk atau perkhidmatan yang ditawarkan. Lucas Downey (2022) menegaskan bahawa ketidakpastian dalam transaksi boleh memberi kesan negatif terhadap keyakinan pengguna serta menjejaskan integriti pasaran digital.

Secara asasnya, konsep jual beli dalam e-dagang tidak jauh berbeza daripada transaksi konvensional berasaskan dokumen fizikal di mana satu pihak iaitu penjual menawarkan produk atau perkhidmatan dengan menetapkan harga, terma, dan syarat kepada bakal pembeli. Pembeli pula berperanan dalam menilai tawaran, merundingkan harga dan syarat jual beli serta melengkapkan pembayaran bagi memperoleh hak milik terhadap produk atau perkhidmatan tersebut. Perbezaan utama antara transaksi e-dagang dan perdagangan tradisional terletak pada proses pemindahan hak milik yang berlaku secara elektronik tanpa memerlukan interaksi bersemuka antara kedua-dua pihak.

TINJAUAN LITERATUR

Gharar yang merujuk kepada ketidakpastian dan ketidaktelusan dalam transaksi telah dikaji secara meluas dalam perniagaan konvensional, namun aplikasinya dalam e-dagang masih memerlukan penelitian lebih mendalam.

Konsep Gharar dalam Islam

Gharar merupakan elemen penting dalam transaksi yang bertujuan untuk mengelakkan penipuan serta melindungi hak pihak-pihak yang berkontrak, mengurangkan pertikaian dan menghindari eksploitasi antara satu pihak dengan pihak yang lain dalam urusan muamalat. Konsep ini memastikan tiada pihak yang tertipu atau mengalami kerugian. Dari segi bahasa, *gharar* bermaksud bahaya, risiko, ketidakpastian, penipuan, sesuatu yang tidak didedahkan atau tidak jelas (Ibn Manzur, ed. 1968). Dalam aplikasi kewangan, *gharar* merujuk kepada ketidakpastian yang mengandungi unsur penipuan di mana pihak yang terlibat dalam *gharar* menipu atau memperdaya melalui unsur ketidakpastian (Ahmad et al., 2010).

Dalam fiqh muamalat, *gharar* merujuk kepada sesuatu yang tidak diketahui akibatnya, ketidakpastian dalam transaksi, atau kejahilan mengenai objek jual beli (Kamali, 2000). *Gharar* boleh muncul dalam

pelbagai bentuk ketidakpastian dalam kontrak dan perkara yang berkaitan dengannya seperti ketidakpastian dalam nilai objek jual beli, tempoh pembayaran dalam jualan bertangguh, kualiti dan kuantiti barang, kewujudan objek jual beli, pemilikan yang tidak jelas, kebolehan penghantaran serta ketidakpastian dalam sifat atau ketersediaan barang yang dikontrakkan (al-Saati, 2003).

Jual beli yang mengandungi unsur *gharar* mempunyai elemen ketidakpastian antara kedua-dua pihak dalam transaksi sama ada objek jual beli tidak wujud semasa transaksi atau kesannya tidak diketahui. Contohnya, jual beli ikan di dalam air atau burung di udara dianggap sebagai *gharar* kerana tidak pasti sama ada objek itu dapat diperoleh atau tidak (Rodoni, 2009). Selain itu, Rosly (2005) menjelaskan bahawa *gharar* merujuk kepada ketidaksahan kontrak akibat risiko dan ketidakpastian yang berpunca daripada manipulasi manusia sehingga mendatangkan bahaya dan ketidakadilan kepada pihak lain. Di dalam Al Quran menyentuh secara umum larangan jual beli *gharar* melalui larangan memakan harta dengan cara yang salah dan penipuan yang menjadi punca kepada pergaduhan dan perselisihan, firman Allah SWT:

"Kecelakaan besar bagi orang-orang yang curang (dalam timbangan dan sukatan), Iaitu mereka yang apabila menerima sukatan (gantang cupak) dari orang lain mereka mengambilnya dengan cukup, Dan (sebaliknya) apabila mereka menyukat atau menimbang untuk orang lain, mereka kurangi"

(Al-Mutaffifin: 1-3)

Malah, di dalam hadis juga secara langsung melarang jual beli bertujuan untuk mengelakkan penipuan dan ketidakadilan dalam transaksi perniagaan, serta memastikan bahawa semua pihak yang terlibat dalam jual beli mendapat maklumat yang jelas dan adil**.**

"*Daripada Abu Hurairah berkata, Rasulullah s.a.w telah melarang daripada jual beli al-hashah (kerikil yang dilempar untuk menentukan barang yang dijual) dan jual beli gharar."*

(HR Muslim)

Dalam Islam, setiap transaksi perlu mematuhi prinsip-prinsip syariah bagi memastikan keadilan, kejujuran, dan perlindungan terhadap semua pihak yang terlibat agar tiada unsur penindasan atau penipuan. Islam menegaskan bahawa objek transaksi dan harga yang dipersetujui mestilah jelas serta diketahui oleh semua pihak bagi mengelakkan pertikaian. Antara prinsip asas yang harus dipatuhi adalah kejelasan dalam kontrak, di mana setiap perincian termasuk spesifikasi barang, harga, tempoh pembayaran, dan syarat penyerahan mesti dinyatakan secara terperinci dan mudah difahami bagi mengelakkan sebarang kerugian kepada salah satu pihak. Selain itu, Islam menekankan kepentingan persetujuan sukarela dalam setiap transaksi, di mana semua pihak mesti bersetuju secara bebas tanpa sebarang paksaan. Prinsip ini selaras dengan firman Allah SWT:

"*Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu makan (gunakan) harta-harta kamu sesama kamu dengan jalan yang salah (tipu, judi dan sebagainya), kecuali dengan jalan perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka di antara kamu, dan janganlah kamu berbunuh-bunuhan sesama sendiri."*

(Surah An-Nisa': Ayat 29)

Seterusnya, konsep keadilan dan keseimbangan dalam transaksi turut ditekankan bagi memastikan tiada pihak yang mengalami kerugian atau eksploitasi. Sebarang bentuk penindasan, penipuan, atau manipulasi harga adalah bertentangan dengan syariah. Oleh itu, keadilan dalam perniagaan merangkumi penetapan harga yang munasabah serta penyediaan maklumat yang telus kepada semua pihak. Islam juga melarang transaksi yang mengandungi ketidakpastian yang seperti menjual barang yang belum wujud atau tidak diketahui keadaannya. Contohnya termasuk menjual ikan di lautan atau burung di udara yang belum ditangkap, serta haiwan yang masih dalam kandungan. Larangan ini bertujuan untuk mengelakkan ketidakadilan dan spekulasi yang boleh merugikan salah satu pihak. Dengan berpegang kepada prinsip-prinsip ini, aktiviti ekonomi dapat dijalankan secara beretika, adil, dan selaras dengan nilai-nilai Islam (Santoso, 2024).

Secara umum, gharar boleh dibahagikan kepada dua kategori utama iaitu *Gharar yasir* dan *gharar fahisy. Gharar yasir* merupakan ketidakpastian kecil yang diizinkan dalam islam. Hal ini kerana, *gharar*

jenis ini adalah ketidakpastian yang tidak mempengaruhi secara signifikan hak dan kewajiban para pihak dalam transaksi. Contohnya, membeli produk walaupun ia mungkin mengalami kerosakan kecil yang tidak menjejaskan tujuan utamanya. Memandangkan *gharar yasir* tidak mengakibatkan kerugian besar dan kekal dalam batas yang boleh diterima, sesetengah ahli akademik benar-benar percaya bahawa ia boleh diabaikan. *Gharar fahisy* merujuk kepada ketidakpastian yang dilarang dalam islam. *Gharar* ini juga menunjukkan ketidakjelasan dalam hal barang yang dijual, harga, atau ketidakmampuan untuk memberikan barang yang dijanjikan. Contohnya, menjual barang yang belum ada atau menjual apa sahaja tanpa jaminan kuantiti atau kualiti.

Perkembangan E-Dagang di Malaysia

Sejak pertengahan 90-an, kemunculan internet telah memberi transformasi yang signifikan dari segi kaedah perniagaan, ekonomi, sosial dan politik kepada dunia. Masyarakat menggunakan sistem e-dagang ini, terutamanya untuk operasi kewangan dalam talian seperti pembayaran bil, tempahan tiket kapal terbang dan pembelian barangan dan perkhidmatan. Pihak kerajaan kini sedang berusaha bagi memastikan pembangunan dan pelaburan ke atas bidang ICT dapat dimanfaatkan setiap lapisan masyarakat (Ahmad Syahrul et al, 2014).

Pembangunan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) memainkan peranan penting dalam pertumbuhan ekonomi sesebuah negara, khususnya dalam sektor e-dagang, dengan meningkatkan kecekapan, produktiviti, serta daya saing perniagaan. Selain berfungsi sebagai medium untuk urus niaga jual beli, ICT juga menyokong aktiviti perdagangan dan kewangan yang lebih luas, sekali gus memperkukuh hubungan perdagangan global melalui kemajuan teknologi komunikasi. Dalam konteks ekonomi Malaysia, e-dagang bukan sahaja menjadi alternatif yang berkesan tetapi juga berfungsi sebagai pemacu pertumbuhan sektor komersial. Pelbagai aktiviti seperti jualan pemasaran langsung, pembelian barangan melalui peruncit maya, perdagangan saham, perbankan internet, pencarian pekerjaan, lelongan perniagaan, serta perkhidmatan pelanggan semakin berkembang seiring dengan peningkatan penggunaan e-dagang.

Perkembangan pesat e-dagang turut mempercepatkan urusan kewangan dan transaksi perniagaan, menjadikannya lebih efisien dan mudah diterima oleh masyarakat. Semakin ramai usahawan beralih kepada perniagaan dalam talian bagi memperluaskan pasaran mereka, sekali gus meningkatkan keterlihatan perniagaan mereka di peringkat domestik dan antarabangsa. Syarikat e-dagang bukan sahaja berpotensi merancakkan pertumbuhan ekonomi negara, tetapi juga berperanan sebagai pemangkin ke arah mencapai negara maju berpendapatan tinggi.

Dari segi pertumbuhan, sektor e-dagang di Malaysia mencatatkan peningkatan ketara sebanyak 10.4 peratus pada suku pertama tahun 2023, dengan pendapatan mencecah RM 291.7 bilion, yang didorong oleh sektor pembuatan dan perkhidmatan. Perbandingan dengan tahun sebelumnya menunjukkan peningkatan daripada RM 264.3 bilion pada suku pertama 2022 kepada RM 273.8 bilion pada suku kedua tahun yang sama. Trend positif ini berterusan pada suku ketiga dan keempat dengan pendapatan masing-masing sebanyak RM 274.6 bilion dan RM 287.1 bilion. Secara keseluruhannya, pendapatan e-dagang meningkat sebanyak 23.9 peratus pada tahun 2021 berbanding 2019, dengan nilai transaksi keseluruhan mencecah RM 1037.2 bilion. Dalam pasaran tempatan, jualan e-dagang menyumbang sebanyak 22.5 peratus daripada jumlah keseluruhan, bersamaan dengan RM 932.7 bilion pada tahun 2021. Sementara itu, jualan e-dagang ke pasaran antarabangsa turut mencatatkan pertumbuhan sebanyak 11.9 peratus, mencapai nilai RM 104.5 bilion (Astro, 2023). Data ini membuktikan bahawa e-dagang terus menjadi sektor yang berdaya maju dan strategik dalam pembangunan ekonomi Malaysia.

Gharar dalam Konteks Transaksi E-Dagang

Gharar dirujuk di dalam konteks e-dagang sebagai ketidakpastian atau ketidaktahuan yang wujud semasa melakukan transaksi secara atas talian. Kini, urusan jual beli menjadi semakin efisien kerana munculnya transaksi atas talian seperti *e-Wallet*, *QR Pay* dan *Apple Pay* yang memudahkan untuk pengguna membayar barangan tanpa menggunakan tunai atau kad kredit. Namun, disebalik kebaikan

transaksi atas talian, pengguna haruslah berhati-hati semasa mengendalikannya kerana ia boleh menjurus kepada gharar. Menurut prinsip syariah, kehadiran *gharar* di dalam konteks e-dagang boleh terhasil kerana beberapa punca seperti ketidakpastian dalam produk, ketidakpastian dalam penyerahan dan proses pemulangan dan penipuan (Mohd Shahid et al, 2022).

Walaupun transaksi dalam talian menawarkan kemudahan dan kecekapan, ia turut membawa risiko ketidakpastian yang boleh menjejaskan kepentingan pengguna. Oleh itu, adalah penting bagi pengguna untuk bersikap lebih berhati-hati dengan memastikan setiap maklumat yang diberikan oleh penjual adalah telus, lengkap, dan boleh dipercayai bagi mengelakkan sebarang elemen gharar yang bercanggah dengan prinsip Syariah serta mengekalkan integriti dalam urus niaga digital.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah kajian kepustakaan bagi meneliti konsep gharar dalam transaksi e-dagang serta implikasinya terhadap pengguna dan peniaga menurut perspektif Islam. Data dikumpulkan daripada pelbagai sumber sekunder, termasuk kitab fiqh, jurnal akademik, buku ilmiah, laporan institusi, serta fatwa yang berkaitan. Sumber hukum Islam seperti al-Quran dan hadis turut dirujuk bagi memahami prinsip gharar dalam muamalat. Selain itu, kajian terdahulu mengenai e-dagang dianalisis bagi mengenalpasti bentuk *gharar* dalam transaksi digital serta kesannya terhadap kestabilan pasaran, kepercayaan pengguna, dan amalan perniagaan yang beretika. Analisis data dilakukan secara analisis kandungan untuk mengenal pasti elemen *gharar* dalam e-dagang, termasuk ketidaktelusan maklumat produk, ketidakpastian dalam penghantaran, serta polisi pemulangan yang tidak jelas. Melalui pendekatan ini, kajian dijangka dapat memberikan panduan bagi pengguna, peniaga dalam membentuk ekosistem e-dagang yang lebih telus, adil, dan patuh syariah.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Dalam era digital, e-dagang telah menjadi sebahagian penting dalam kehidupan masyarakat moden. Walau bagaimanapun, transaksi dalam talian seringkali dikaitkan dengan unsur *gharar* yang boleh menimbulkan ketidakpastian dan ketidakadilan dalam kontrak. Dalam Islam*, gharar* dilarang kerana ia boleh membawa kepada eksploitasi dan ketidakjelasan dalam urus niaga.

Bentuk *Gharar* Dalam E-Dagang

Bentuk *gharar* dalam e-dagang terdiri daripada pelbagai aspek:

Ketidaktelusan Maklumat Produk

Salah satu bentuk gharar yang paling ketara dalam e-dagang adalah ketidaktelusan maklumat mengenai produk yang dijual. Dalam sesetengah kes, peniaga memberikan maklumat yang mengelirukan atau tidak lengkap mengenai produk, seperti menggunakan gambar yang tidak mencerminkan produk sebenar atau menyembunyikan kelemahan produk (Obaidullah, 2005). Situasi ini boleh menyebabkan pengguna membuat keputusan pembelian tanpa maklumat yang mencukupi, yang bertentangan dengan prinsip keadilan dalam transaksi Islam. Ketidakjelasan dalam info yang diberikan boleh dianggap sebagai penipuan kerana mendedahkan risiko kerugian kepada pembeli.

Islam menekankan kejelasan dalam jual beli untuk mengelakkan *gharar*.

"Nabi Muhammad SAW bersabda: "Sesiapa yang menipu dia bukan dalam kalangan kami".

(Hadis Riwayat Muslim)

Penipuan dalam Harga dan Promosi

Taktik pemasaran yang mengelirukan, seperti penetapan harga yang tidak telus dan promosi palsu, juga boleh dikategorikan sebagai gharar. Sebagai contoh, terdapat peniaga yang sengaja menaikkan harga asal sebelum memberikan diskaun yang besar untuk mencipta ilusi harga murah (Wibowo, 2024). Selain itu, konsep "*flash sales*" atau "stok terhad" yang tidak mempunyai justifikasi sebenar turut menimbulkan ketidakpastian dan mempengaruhi keputusan pengguna dengan cara yang tidak adil.

Penipuan seperti ini membuktikan lagi kegagalan memenuhi prinsip ketulusan dan kejujuran yang sangat ditekankan dalam Islam. Islam sangat menekankan prinsip akad yang sah. Ianya bukan sahaja memberi kesan kepada pihak yang terlibat akan tetapi ianya telah melanggar prinsip muamalat Islam. Allah SWT menitikberatkan tentang keadilan dan kejujuran dalam jual beli sepertimana firman Allah SWT yang bermaksud:

"Wahai orang-orang beriman, janganlah kamu memakan harta sesama kamu dengan cara yang batil"

(An-Nisa: Ayat 29)

Ketidakpastian dalam Penghantaran Barangan dan Perkhidmatan

Ketidakpastian dalam penghantaran adalah satu lagi bentuk *gharar* dalam e-dagang. Dalam banyak kes, peniaga gagal menetapkan tarikh penghantaran yang jelas atau memberikan maklumat yang samar mengenai proses penghantaran (Rifai, 2024). Pengguna mungkin mengalami kelewatan yang tidak dimaklumkan terlebih dahulu atau menghadapi risiko pesanan tidak sampai tanpa jaminan bayaran balik yang jelas. Ketidakpastian ini bertentangan dengan prinsip ketelusan yang dianjurkan dalam muamalat Islam.

Polisi Pemulangan yang Tidak Jelas

Banyak platform e-dagang mempunyai polisi pemulangan yang tidak telus menyebabkan pengguna menghadapi kesukaran dalam mendapatkan bayaran balik atau menukar produk yang tidak memenuhi jangkaan mereka. Polisi yang kompleks atau tidak dijelaskan dengan baik boleh menyebabkan ketidakpastian dan meletakkan pengguna dalam situasi yang tidak adil (Muhammad, 2023). Dalam Islam, kepastian dalam kontrak adalah penting bagi memastikan kedua-dua pihak memahami hak dan tanggungjawab mereka.

Ketidakseimbangan Maklumat antara Peniaga dan Pengguna

Dalam transaksi e-dagang, wujud ketidakseimbangan maklumat antara peniaga dan pengguna. Peniaga biasanya mempunyai lebih banyak maklumat mengenai produk dan operasi perniagaan mereka, sementara pengguna hanya bergantung kepada maklumat yang diberikan dalam talian (Obaidullah, 2005). Situasi ini boleh menyebabkan eksploitasi, terutamanya apabila caj tersembunyi atau kos tambahan hanya didedahkan selepas pengguna memasukkan maklumat pembayaran.

Ketidakpastian dalam e-dagang boleh menjejaskan keadilan dalam transaksi. Masalah ini akan terjadi apabila mempunyai kos tambahan seperti cukai dan juga kos penghantaran yang tidak dinyatakan sebelum pembeli membuat keputusan untuk membeli. Islam menuntut semua aspek jual beli, mesti jelas dan dipersetujui oleh kedua-dua pihak sebelum berlakunya akad jual beli. Perkara ini berlaku melibatkan adanya elemen *gharar* kerana pembeli tidak mengetahui harga sebenar yang perlu ditanggung, proses transaksi menjadi tidak telus dan menyebabkan salah satu pihak terdedah dengan penipuan. Hadis Nabi Muhammad SAW:

"Janganlah kamu menjual sesuatu yang tidak ada dalam milikmu."

(Hadis Riwayat Tirmizi)

Dalam fiqh muamalat, ketidakpastian dalam harga dikenali sebagai *gharar fasid* dan perlu dielakkan. Menurut fatwa Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan semua elemen jual beli mesti jelas (Abd. Hakim Abd. Rasid, 2022).

Produk dan Perkhidmatan yang Tidak Wujud atau Tidak Pasti

Selain itu, bentuk *gharar* dalam e-dagang ialah penjualan produk atau perkhidmatan yang belum wujud atau tidak pasti keadaannya. Contohnya, sesetengah peniaga menjual produk pra-tempahan tanpa jaminan tarikh penghantaran yang jelas atau menawarkan perkhidmatan digital yang sukar diukur keberkesanannya (Rifai, 2024). Dalam model perniagaan *dropshipping*, peniaga tidak mempunyai kawalan langsung ke atas stok dan penghantaran yang boleh menyebabkan ketidakpastian kepada pengguna mengenai status pesanan mereka. Nabi Muhammad SAW bersabda:

"Barang siapa yang menipu dalam jual beli, tempatnya adalah neraka."

(Hadis Riwayat Ahmad)

Implikasi *Gharar* Terhadap Pengguna Dan Peniaga Dalam E-Dagang

Gharar dalam e-dagang membawa pelbagai implikasi negatif kepada pengguna dan peniaga, terutamanya dalam aspek kepercayaan, kestabilan pasaran, dan kepatuhan kepada prinsip syariah. Ketidakpastian dalam maklumat produk, polisi pemulangan yang kabur, serta ketidakjelasan dalam terma dan syarat boleh menjejaskan keadilan dalam transaksi dan mencetuskan konflik antara pihak yang terlibat.

Implikasi Terhadap Peniaga

Bagi peniaga, *gharar* boleh memberi kesan buruk terhadap reputasi, kredibiliti, dan kelangsungan perniagaan dalam jangka panjang. Hassan dan Lewis (2007) menekankan bahawa unsur ketidakpastian dalam kontrak boleh menyebabkan hilangnya kepercayaan pengguna terhadap perniagaan, sekali gus memberi impak negatif terhadap pertumbuhan industri. Kepercayaan merupakan elemen penting dalam e-dagang, dan kegagalan untuk memberikan ketelusan boleh menyebabkan peniaga kehilangan pelanggan serta menghadapi tindakan undang-undang akibat pelanggaran hak pengguna.

Tambahan pula, ketidakpastian dalam penghantaran produk dan polisi pemulangan yang tidak jelas boleh membawa kepada pertikaian undang-undang dan penalti yang dikenakan oleh pihak berkuasa. Dalam konteks perundangan Malaysia, undang-undang Syariah dan sivil memainkan peranan dalam memastikan transaksi yang lebih adil, tetapi peniaga juga perlu mengambil langkah proaktif dalam mematuhi garis panduan yang ditetapkan. Wibowo (2024) mencadangkan bahawa pengenalan mekanisme kawal selia yang lebih ketat terhadap platform e-dagang boleh membantu mengurangkan risiko *gharar* serta meningkatkan kepercayaan pengguna terhadap sistem perniagaan dalam talian.

CADANGAN PENYELESAIAN TERHADAP ISU GHARAR DALAM E-DAGANG

Sekalipun e-dagang yang dijangkakan lebih canggih dan telus, ia tetap tidak lari daripada kelemahan yang boleh mengakibatkan melanggar prinsip Syariah dalam *gharar.* Isu Syariah di atas boleh dilihat dari tiga perspektif seperti kawalan undang-undang dan pengawasan Syariah. Kawalan undang-undang adalah perkara asas yang perlu ada dalam kawal selia setiap produk yang berteraskan perdagangan elektronik. Tanpa pengawalan yang ketat, penggunaan e-dagang yang rapuh dan bermasalah akan

menjadi lambakan di pasaran (Mohd. Syahid, 2023). Oleh itu, terdapat beberapa cadangan yang boleh digunakan untuk mengurangkan gharar.

Pelaksanaan Peraturan Yang Lebih Ketat

Pelaksanaan peraturan yang lebih ketat terhadap e-dagang adalah penting bagi memastikan transaksi dalam talian bebas daripada unsur gharar serta mematuhi prinsip keadilan dan ketelusan dalam Islam. Kerajaan perlu memperkukuhkan penguatkuasaan undang-undang seperti Akta Perdagangan Elektronik 2006 dan Akta Perlindungan Pengguna 1999 bagi memastikan peniaga memberikan maklumat produk yang jelas, polisi pemulangan yang telus, serta tidak mengamalkan strategi pemasaran yang mengelirukan. Selain itu, pemantauan terhadap platform e-dagang harus dipertingkatkan melalui audit berkala dan penalti terhadap mana-mana entiti yang gagal mematuhi standard yang ditetapkan. Pengenalan sijil kepatuhan Syariah bagi platform e-dagang juga boleh membantu memastikan transaksi yang dijalankan menepati prinsip Islam dan bebas daripada *gharar.*

Pendidikan Dan Kesedaran Pengguna

Pendidikan dan kesedaran pengguna terhadap e-dagang amat penting bagi mengelakkan unsur *gharar* dalam transaksi dalam talian. Pengguna yang berpengetahuan akan lebih berhati-hati dalam membuat keputusan pembelian, memahami hak mereka di bawah undang-undang perlindungan pengguna, serta mengenali tanda-tanda penipuan atau ketidakpastian dalam maklumat produk. Pendidikan boleh disampaikan melalui kempen kesedaran, program latihan, serta inisiatif kerajaan dan institusi berkaitan bagi meningkatkan literasi digital dan kefahaman mengenai prinsip transaksi patuh syariah. Dengan tahap kesedaran yang tinggi, pengguna dapat memainkan peranan aktif dalam memastikan ekosistem e-dagang yang lebih telus, adil, dan selamat. Kempen kesedaran boleh dijalankan oleh pihak berkuasa seperti Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan agensi lain yang berkaitan. Pendidikan ini bukan sahaja membantu pengguna membuat keputusan yang lebih bijak tetapi juga mendidik rakyat Malaysia mengenai penggunaan internet secara positif, produktif dan bertanggungjawab (Astro, 2024).

Penguatkuasaan Undang-Undang

Penguatkuasaan undang-undang dalam e-dagang adalah penting bagi memastikan transaksi dalam talian berjalan dengan lancar, adil, dan selamat. Seiring dengan perkembangan pesat teknologi dan peningkatan penggunaan platform e-dagang, pemahaman serta pematuhan terhadap undang-undang berkaitan menjadi semakin kritikal. Akta dan garis panduan e-dagang perlu dikemas kini untuk menangani isu-isu spesifik berkaitan *gharar*. Hukuman yang lebih berat, termasuk penalti kewangan dan penggantungan lesen operasi, boleh dikenakan kepada peniaga yang gagal memenuhi kewajipan mereka. Langkah ini dapat mendorong peniaga untuk lebih bertanggungjawab dalam memastikan ketelusan dan keadilan dalam transaksi mereka.

Di Malaysia, beberapa undang-undang utama mengawal selia sektor ini. Akta Perdagangan Elektronik 2006 memberikan kesahan kepada kontrak elektronik serta menetapkan peraturan mengenai pembentukan kontrak dalam talian. Akta Perlindungan Pengguna 1999 (CPA) memastikan hak pengguna dalam transaksi e-dagang terjamin. Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (CMA) pula berperanan dalam mengawal selia aspek komunikasi dan multimedia dalam e-dagang, sementara Akta Keterangan Perdagangan 2011 menetapkan peraturan berkaitan bukti dalam transaksi perdagangan.

Kerjasama Antara Kerajaan, Institusi Kewangan, Platform E-Dagang dan Pengguna

Kerjasama antara kerajaan, institusi kewangan, platform e-dagang, dan pengguna amat penting dalam memastikan ekosistem e-dagang yang selamat, adil, dan mematuhi prinsip Syariah. Kerajaan berperanan dalam menggubal dan menguatkuasakan undang-undang yang jelas, manakala institusi kewangan menyediakan sistem pembayaran yang patuh syariah serta bebas daripada unsur gharar. Platform e-

dagang pula bertanggungjawab memastikan ketelusan maklumat, perlindungan pengguna, dan pematuhan terhadap peraturan yang ditetapkan. Sementara itu, pengguna perlu meningkatkan kesedaran dan kefahaman mereka mengenai hak serta tanggungjawab dalam transaksi dalam talian bagi mengelakkan sebarang eksploitasi atau penipuan.

KESIMPULAN

Gharar dalam e-dagang boleh membawa kepada ketidakadilan dan eksploitasi, terutama terhadap pengguna. Bentuk *gharar* dalam e-dagang dapat dilihat melalui maklumat produk yang mengelirukan, polisi pemulangan yang tidak jelas, ketidaktentuan dalam penghantaran, serta amalan penetapan harga yang tidak telus. Implikasi *gharar* terhadap pengguna termasuk risiko penipuan, kehilangan kepercayaan terhadap platform e-dagang, dan kesukaran mendapatkan perlindungan hak pengguna, manakala bagi peniaga, ia boleh menyebabkan kerugian reputasi serta tindakan undang-undang.

Bagi mengelakkan *gharar* dalam e-dagang, langkah-langkah seperti pemantauan ketat oleh pihak berkuasa, pematuhan peniaga terhadap etika perniagaan Islam, serta peningkatan kesedaran pengguna mengenai hak mereka perlu dipertingkatkan. Kerjasama antara kerajaan, institusi kewangan, platform e-dagang dan pengguna amat diperlukan bagi memastikan transaksi dalam talian lebih adil, telus, dan selari dengan prinsip Syariah. Dengan pelaksanaan peraturan yang lebih ketat serta mekanisme kawal selia yang berkesan, e-dagang boleh berkembang sebagai satu sistem yang berintegriti, memberi manfaat kepada ekonomi digital serta mengekalkan kepercayaan pengguna dalam industri ini.

PENGHARGAAN

Pengarang merakamkan penghargaan kepada para penilai atas komen dan pandangan yang membina. Pengarang juga menghargai maklum balas yang diberikan oleh rakan-rakan sejawat sepanjang proses penyediaan manuskrip ini. Penyelidikan ini tidak menerima sebarang geran khusus daripada mana-mana agensi pembiayaan dalam sektor awam, komersial, atau bukan berasaskan keuntungan.

PERTEMBUNGAN KEPENTINGAN

Pengarang mengisytiharkan tiada pertembungan kepentingan dalam penghasilan artikel ini.

SUMBANGAN PENGARANG

Semua pengarang telah memberikan sumbangan secara bersama dalam pembangunan makalah ini. Semua penulis turut terlibat dalam proses menyemak dan menambah baik makalah, memberikan input dari aspek intelektual dan metodologi, serta memastikan ketelitian akademik dan kejelasan kandungannya. Semua pengarang telah membaca dan meluluskan versi akhir manuskrip untuk diterbitkan.

DEKLARASI PENGGUNAAN AI

Pengarang mengisytiharkan bahawa AI generatif tidak digunakan dalam penghasilan artikel ini, kecuali bagi tujuan pengolahan semula teks (*paraphrasing*) dan semakan silang rujukan. Penulis bertanggungjawab sepenuhnya terhadap ketepatan, integriti, dan kandungan akhir karya ini.

PERNYATAAN ETIKA PENYELIDIKAN

Pengarang mengisytiharkan bahawa kajian ini tidak melibatkan sebarang, sampel atau data biologi manusia dan haiwan. Justeru, kelulusan dan kebenaran jawatankuasa etika tidak berkait dengan kajian ini.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Data-data yang menyokong dapatan kajian ini boleh diperoleh daripada Pengarang koresponden berdasarkan permintaan yang munasabah, tertakluk kepada keperluan institusi dan pertimbangan etika.

RUJUKAN

Abd Rasid, A. H. (2022). *Irsyad Hukum Siri Ke-705: Hukum Jual Beli Cedok*. Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. Retrieved December 6, 2024, from https://muftiwp.gov.my/en/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum-cat/5352-irsyad-al-fatwa-siri-ke-705-hukum-jual-beli-cedok

Ahmad, Taris et al. (2010). *Islamic Banking and Finance: What It Is and What It Should Be*. UK: 1st Ethical Charitable Trust.

Al-Saati, A. (2003). The permissible *gharar* (risk) in classical Islamic jurisprudence. *Journal of Islamic Economics, 16*(2), 3-19.

Astro Awani. (2023). Pendapatan e-dagang meningkat 10.4 peratus pada suku pertama 2023 - Perangkaan. *Astro Awani*. https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pendapatan-edagang-meningkat-104-peratus-pada-suku-pertama-2023-perangkaan-426930

Astro Awani. (2024). MCMC bakal lancar Kempen Kesedaran Keselamatan Dalam Talian - Teo. *Astro Awani*. https://www.astroawani.com/berita-malaysia/mcmc-bakal-lancar-kempen-kesedaran-keselamatan-dalam-talian-teo-483674

Farikhin, A., & Mulyasari, H. (2022). Gharar, fraud and dispute in Islamic business transaction: An Islamic law perspective. *International Economic and Finance Review (IEFR)*, 1(2), 40-53.

Hasshan, H., Markom, R., & Ab. Halim, A. H. (2021). Pematuhan Syariah dalam Penyediaan Dokumentasi Perundangan Melibatkan Pembiayaan Islam dan Instrumen Pengurusan Kekayaan Islam di Malaysia. *Islamiyyat; International Journal of Islamic Studies*, 43(SI). 105 - 114.

Hassan, K., & Lewis, M. (2007). *Handbook of Islamic Banking*. Edward Elgar Publishing.

Obaidullah, M. (2005). *Islamic Financial Services*. Scientific Publishing Centre, King Abdulaziz University.

Ibn Manzur, Muhammad ibn Mukarram. (1968), Lisān al-'Arab, Beirut: Dar Sadir li al Taba'ah wa al-Nashr.

Jahari, N. A. (2016). Online Dropship for Business Transaction in Malaysia: Views from Muslim Scholars. *IJIB*, *Vol 1*(Issue 1), 13-28.

Kambol, R. (2018). E-Commerce in The Context of Islamic Law of Contract of Sale. *Journal of Law & Governance*, *Volume 1 (No. 1) 2018: 36-48*.

Mat Jusoh, A. J., Borhan, J. T., & Zakaria, M. B. (2015). Isu-Isu Syariah dalam pelaksanaan e-dagang. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari, 10*, 68-80.

Mat Lazim, A., & Syed Mizuri, S. Z. (2022). A Shariah Compliance Integrated E-Commerce Transaction and Analysis of Shopee.com: A Literature Review. *Jurnal Kejuruteraan, Teknologi dan Sains Sosial*, *Vol. 8* (Issue 1 (Special Issue – ICRISC2022).

Mohd. Noh, M. S. (2023). Riba dan gharar dalam aplikasi kewangan digital: Satu sorotan. *Journal of Ifta and Islamic Heritage*. *2*(2), 32–59. Retrieved from https://ejournal.muftiwp.gov.my/index.php/jiftah/article/view/49

Mohd Noh, M. S., Mohd Razif, N. F., & Ruslan, M. A. (2022). Keberangkalian Gharar di dalam E-Wallet: Satu Penelitian Awal. *Al-Basirah Journal*, 12(2), 25-36.

Mohd Noh, M. S., Nor Azelan, S. H., & Syahmi, M. I. (2023). A review on *gharar* dimension in modern Islamic finance transactions. *Journal of Islamic Accounting and Business Research*. https://doi.org/10.1108/JIABR-01-2023-0006

Mohd Rawi, A. S. H., Omar, S. Z., & Ali, M. S. S. (2011). E-Dagang di Malaysia: Perkembangan, Perlaksanaan, dan Cabaran. *Sains Humanika*, *57*(1). https://doi.org/10.11113/sh.v57n1.220

Muhammad, R., & Muhammad, M. (2023). *Building Trust in E-Commerce: A Proposed Shariah Compliant Model*. Journal of Internet Banking and Commerce. 18(3), 1-13. https://www.researchgate.net/publication/286038213_Building_trust_in_e-commerce_A_proposed_shari'ah_compliant_model

Rifai, A. (2024). *Interpretation of Hadith on Online Transactions in Sharia Economics: A Study of the Prohibition of Gharar in the Digital Era*. Zona Law and Public Administration Indonesia, 2(6).

Santoso. (2024). *Gharar dalam Islam: Arti, Jenis, Contoh & Dampak Ekonomi*. Retrieved Disember 6, 2024, from https://yatimmandiri.org/blog/muamalah/gharar-adalah/#jenis-gharar-dalam-islam

Kamali, M. H. (2000). *Islamic Commercial Law: An Analysis of Futures and Options*. Islamic Texts Society, UK.

Rodoni, Ahmad. (2009). *Investasi Syariah (Islamic Investment)*. Jakarta: Lembaga Penelitian UIN Jakarta.

Rosly, Saiful Azhar. (2005). *Critical Issues on Islamic Banking and Financial Markets Islamic Economics, Banking and Finance, Investments, Takaful and Financial Planning*. Bloomington, Indiana: Author House.

Wibowo, D. E. (2024). Consumer Protection in the Digital Era: Challenges and Solutions from an Islamic Legal Perspective. *Jurnal Ilmiah Mizani: Wacana Hukum, Ekonomi Dan Keagamaan*. 11(2), 473-486. https://ejournal.uinfasbengkulu.ac.id/index.php/mizani/article/view/4752

© 2025 by the authors. Submitted for possible open access publication under the terms and conditions of the Creative Commons Attribution (CC BY) license (http://creativecommons.org/licenses/by/4.0/).